

21 NOV 2001

Agong-Ziarah

KERABAT DAN ORANG KENAMAAN ZIARAH JENAZAH AGONG DI ISTANA SELANGOR

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Sultan Johor mengetuai kerabat diraja dan orang kenamaan menziarahi jenazah almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Yang di-Pertuan Agong ke-11, yang ditempatkan di Istana Selangor di sini petang ini.

Sultan Johor tiba bersama Sultanah Johor dan disambut Pemangku Raja Selangor Tengku Idris Shah.

Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faris Petra dan Tunku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail turut menziarahi jenazah almarhum.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dan kaum kerabat Seri Paduka berada di dalam Istana bersimpuh di sisi jenazah almarhum, sambil membacakan ayat-ayat suci Al Quran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood adalah antara orang kenamaan pertama menziarahi jenazah almarhum.

Turut menziarah ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Penasihat Agama Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak serta isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Dua bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamad Taib dan Datuk Seri Abu Hassan Omar, Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta para anggota exco negeri Selangor turut tiba menziarahi jenazah Seri Paduka.

Jenazah almarhum akan ditempatkan di Istana Negara mulai pukul 9.20 pagi hingga tengah hari esok untuk rakyat menziarah.

-- BERNAMA

NM HS ZS RON